


Headline	MENTERI KE JAKARTA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	32,33	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1301 cm ²
Journalist	Hayati Ibrahim	AdValue	RM 51,252
Frequency	Daily	PR Value	RM 153,755



MENTERI KE JAKARTA

- Bincang bantuan tangani jerebu
- Runding tanda tangan MoU



Oleh Hayati Ibrahim
ya_t@hmetro.com.my
Cyberjaya

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar bakal ke Indonesia mengadakan perbincangan lanjut berhubung bentuk bantuan yang masih diperlukan negara itu untuk memadamkan kebakaran di Sumatera dan Kalimantan.

Beliau berkata, Malaysia masih bersedia menghurikau bantuan untuk memadamkan kebakaran memandangkan kawasan yang terbakar adalah luas lait 1.7 juta hektar.

"Jadi, saya ke Indonesia esok (hari ini) untuk bertanyakan bentuk bantuan yang diperlukan pihak Indonesia.

"Sebelum ini, Malaysia menghantar satu pesawat (milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia) ba-

gi membantu memadamkan kebakaran, bagaimanapun pesawat dibawa pulang untuk diservis dan diselenggara," katanya ketika ditemui media selepas sesi perjumpaan dengan Ahli Lembaga Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (MFRDB) di sini, semalam.

Turut hadir, Penggerusi MFRDB, Datuk Seri Zonal Azha Yusof dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Wan Junaidi berkata, Majlis Keselamatan Negara (MKN) turut menyarankan supaya pesawat ini dihantar semula kerana ia didapati berkesan memadamkan kebakaran di kawasan berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, MKN membuat keputusan pesawat itu dihantar semula, pada masa sama anggota bomba dan penyelamat juga bersedia membantu Indonesia untuk memadamkan kebakaran.

Beliau berkata, lawatan beliau ke Indonesia bertujuan mengadakan pertemuan dengan Menteri Alam Sekitar dan Kehutanan Indonesia Dr Siti Nur'baya Bakar berhubung Memorandum Perjanjian (MoU) menangani jerebu yang bakal ditandatangani antara kedua-dua negara.

"Saya berharap dapat bertemu dengan beliau untuk membincangkan mengenai MoU ini. Memang satu daripada tujuan saya ke-

sana adalah bertemu beliau, kita lihat nanti apa perkembangannya apabila tiba di sana kelak," katanya.

Pada masa sama, katanya, beliau berharap cuaca hujan yang dijangka akhir Oktober ini membantu pihak Indonesia memadamkan kebakaran.

Dalam perkembangan lain, Wan Junaidi berkata, rang undang-undang FRIM akan dipinda bagi membolehkan agensi itu membuka syarikat sendiri untuk mengkomersialkan hasil penemuan yang dijumpai.

"Langkah ini membolehkan FRIM mendapat sumber kewangan sendiri, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan," katanya.

Malaysia menghantar pesawat bantu memadamkan kebakaran, bagaimanapun pesawat dibawa pulang untuk diservis"

Wan Junaidi

Headline	MENTERI KE JAKARTA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	32,33	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1301 cm ²
Journalist	Hayati Ibrahim	AdValue	RM 51,252
Frequency	Daily	PR Value	RM 153,755



PENDUDUK kampung cuba memadamkan kebakaran tanah gambut di pingir bandar Palangkaraya, Kalimantan Tengah.

Headline	MENTERI KE JAKARTA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	32,33	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1301 cm ²
Journalist	Hayati Ibrahim	AdValue	RM 51,252
Frequency	Daily	PR Value	RM 153,755



Headline	MENTERI KE JAKARTA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	32,33	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1301 cm ²
Journalist	Hayati Ibrahim	AdValue	RM 51,252
Frequency	Daily	PR Value	RM 153,755

